

KETIDAKHADIRAN PEPERIKSAAN AKHIR SIDANG AKADEMIK 2022/2023

i) CUTI SAKIT

Pelajar perlu mengemukakan sijil cuti sakit pada hari peperiksaan melalui emel exam@usm.my . Sijil cuti sakit tersebut perlu dikemukakan dalam tempoh **tujuh (7) hari** selepas kertas peperiksaan tersebut dijalankan. Unit peperiksaan akan mengemaskini sistem ketidakhadiran peperiksaan.

*Sijil cuti sakit hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian) USM, Doktor panel Universiti atau Hospital /Klinik Kerajaan.

ii) PETUGAS PILIHAN RAYA NEGERI (PRN)

Pelajar perlu mengemukakan surat rasmi majikan yang menyatakan secara spesifik tarikh bertugas yang bertindih dengan peperiksaan akhir untuk pertimbangan Majlis Pemeriksa Pusat Pengajian.

*Sebarang pengumuman terkini mengenai peperiksaan akhir akan dihebahkan di portal e-learning PPPJJ.

iii) MENUKAR PUSAT PEPERIKSAAN

Permohonan penukaran Pusat Peperiksaan **TIDAK BOLEH DIPERTIMBANGKAN** memandangkan persediaan peperiksaan akhir telah tersedia.

iv) KEPERLUAN BERTUGAS DI LUAR KAWASAN

Pelajar yang bertugas di luar kawasan dan tidak dapat hadir ke Pusat Peperiksaan yang telah ditetapkan, tidak boleh memohon untuk menjalani peperiksaan secara atas talian atau peperiksaan di luar jadual waktu peperiksaan.

Majlis Pemeriksa Pusat Pengajian akan mempertimbangkan alasan tidak hadir peperiksaan. Jika alasan diterima, pelajar akan dipertimbangkan gred 'DK' yang membolehkan pelajar mengulangi peperiksaan semasa KSCP (tertakluk kepada syarat). Jika tidak, pelajar akan mendapat gred F* untuk kursus berkaitan.